

08/09/1998

Umno Perlis mula perjelas keadaan

KANGAR, Isnin - Ketiga-tiga Umno bahagian di negeri ini mula memberi penerangan kepada ahlinya berhubung pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno.

Usaha lebih menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi akan dijalankan sebaik semua Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri, Pemuda dan Wanita mendapat penjelasan daripada Perdana Menteri berhubung perkara itu.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Perlis, Datuk Bahari Taib, berkata Umno bahagian memainkan fungsi masing-masing sejajar sokongan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin parti dan memulihkan ekonomi negara.

"Usaha penerangan yang lebih meluas, termasuk ke peringkat akar umbi akan dijalankan sebaik anggota yang berkenaan mendapat penjelasan daripada Perdana Menteri," katanya.

Menjawab soalan, Bahari berkata, pihaknya setakat ini tidak mengesan sebarang usaha oleh penyokong Anwar untuk cuba mendapatkan simpati rakyat negeri ini.

"Kita tidak membenarkan dewan orang ramai, masjid dan surau di negeri ini digunakan oleh golongan terbabit untuk tujuan itu bagi mengelak memecah belah perpaduan sehingga memburukkan lagi keadaan.

"Jika perkara itu berlaku, kita akan mengenal pasti mereka yang menghadiri pertemuan itu, khususnya jika membabitkan ahli Umno," katanya.

Semalam, empat pertubuhan Islam membentuk `Gerakan Reformasi' bertujuan membangkitkan kesedaran umum mengenai `ketidakadilan' terhadap Anwar.

(END)